

Graduan Comel Jadi Tumpuan Pada Konvokesyen UMS ke-16

Graduan berketinggian 98 sentimeter dengan berat kira-kira 24 kilogram menjadi tumpuan sidang terakhir Majlis Konvokesyen UMS ke-16.

Gadis istimewa dari Kampung Inuman, Beaufort, Emi Aridah Aripin, 26, mendapat tepukan gemuruh ketika menerima Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dalam bidang Perakaunan daripada Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah.

Beliau yang kemudiannya ditemui wartawan Canselor berkata, kejayaannya itu merupakan hasil sokongan keluarga serta pengorbanan tiga sahabat sejati yang sama-sama menuntut di UMS sejak 2010.

"Tanpa pengorbanan yang dihulurkan tiga sahabat baik saya, Hazimah Zaiman, Noor Kaziemah Sariman dan Azizah Abdul Kadir, saya mungkin tidak dapat mencapai kejayaan ini pada hari ini," ujarnya yang kini bekerja di sebuah firma audit iaitu SL Yong & Chia sejak September lalu.

Jelasnya, persahabatan baik itu terjalin sejak menuntut di Politeknik Kota Kinabalu dalam kursus Diploma Perakaunan bermula 2007 dan seterusnya menyambung pengajian di UMS.

Emi Aridah juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak pengurusan UMS yang telah banyak membantu terutama dalam menyediakan tempat penginapan di tingkat paling bawah di kolej kediuman.

Majlis Konvokesyen ke-16 yang berlangsung di Dewan Canselor, UMS pada 22 -24 November lalu menyaksikan seramai 4,490 graduan menerima ijazah masing-masing, termasuk mantan Dekan Sekolah Sains Sosial (kini dikenali Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan), Prof. Madya Hj Inon Shaharuddin Abd Rahman yang dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Seni Kreatif, dan Datuk Yong Teck Shing yang dianugerahkan Ijazah Kehormat Sarjana Hubungan Antarabangsa.

